



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2015/04/52(HQ)

### KEMPEN KESEDARAN KESELAMATAN ELEKTRIK (KKKE) PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

Menyedari perlunya pendedahan terhadap penggunaan elektrik secara selamat, **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** menganjurkan Kempen Kesedaran Keselamatan Elektrik (KKKE) peringkat Negeri Sembilan pada hari ini. Ia dirasmikan oleh Pengurus Besar Jawatankuasa Bertindak Pendidikan dan Kesihatan, Dato' Shamsulkahar Mohd Deli.

“Pelaksanaan kempen ini adalah sebagai usaha jangka panjang TNB untuk membantu mengurangkan kadar kemalangan elektrik akibat kecuaian,” kata Pengurus Besar Kanan (Hal Ehwal Korporat & Komunikasi) TNB, Datuk Ir. Mohd Aminuddin Mohd Amin.

Kempen ini melibatkan sesi ceramah, pameran keselamatan dan acara-acara berkaitan kesedaran keselamatan elektrik.

“Apa yang dilakukan TNB merupakan Tanggungjawab Korporat kepada masyarakat agar lebih peka terhadap penggunaan tenaga elektrik yang selamat sekali gus mengelakkan kecuaian yang boleh mengakibatkan kemalangan elektrik,” katanya dalam ucapan aluan tersebut.

Turut hadir adalah Pengarah Kawasan, Pejabat Kawasan Suruhanjaya Tenaga Negeri (Negeri Sembilan & Melaka), Ir. Md. Rasdi Abdullah, Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Dato' Kalsom Khalid, dan Pengurus Besar Negeri (Negeri Sembilan), Bahagian Pembahagian, Ir. Ahmad Fuad Md. Kasim.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2008, seramai 10,000 orang guru dan pelajar dari 2,000 buah sekolah rendah dan menengah di seluruh Semenanjung telah terlibat dengan program KKKE ini.

Bagi Negeri Sembilan, seramai 250 orang pelajar dan guru pengiring daripada 11 buah sekolah menyertai kempen tersebut pada tahun ini.

**Dikeluarkan di Rembau, Negeri Sembilan pada 28 April 2015**

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Eliana Tember (016-2104214),  
Mohd Daud Manap (016-3070880).